

# Angkara dadah dan alkohol, lelaki langgar pegawai polis semasa SJR dipenjara, denda



**PENGADILAN:** Tertuduh (kiri) diiringi pegawai penjara keluar dari kamar Mahkamah Majistret Kuching semalam selepas dijatuhkan hukuman.

**KUCHING:** Seorang lelaki yang memandu di bawah pengaruh dadah dan alkohol sehingga melanggar seorang pegawai kanan polis berpangkat ASP bertugas semasa sekatan jalan raya (SJR) pada 20 Jun lalu, dipenjara lapan tahun dan didenda RM30,000.

Majistret Nur Syaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan Suaidie Suhaimi, 29, untuk dipenjara setahun sekiranya gagal membayar denda.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara berkuat kuasa mulai semalam, selain membatalkan kelayakan tertuduh untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu selama tujuh tahun.

Mahkamah bagaimanapun tidak

mengeluarkan perintah pampasan kepada mangsa selepas mengambil kira kedudukan kewangan tertuduh.

Tertuduh mengaku bersalah sebaik didakwa di bawah Seksyen 44 (1A)(a) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) yang memperuntukkan hukuman penjara antara tujuh dan 10 tahun dan denda antara RM30,000 dan RM50,000 jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang memandu sebuah kereta kompak berada di bawah pengaruh Amphetamine, Methamphetamine dan Ketamine sehingga tidak berdaya mengawal kenderaan dan menyebabkan kecederaan terhadap mangsa lelaki berusia 46 tahun.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya sekitar

jam 2.40 pagi pada 20 Jun 2026 di Jalan Padungan di sini.

Berdasarkan fakta kes, semasa melalui SJR, tertuduh gagal mematuhi arahan polis untuk memberhentikan kenderaannya lalu bertindak merempuh SJR Ops Bersepadu Cegah Jenayah serta melanggar mangsa, sebelum melarikan diri dari tempat kejadian.

Akibat rempuhan itu, mangsa mengalami kecederaan di bahagian pinggang dan luka pada siku kanan serta telah menerima rawatan di Hospital Umum Sarawak (HUS).

Tertuduh bagaimanapun berjaya dikesan oleh polis dan seterusnya ditahan sekitar jam 7 pagi hari sama.

# Angkara dadah dan alkohol, lelaki langgar pegawai polis semasa SJR dipenjara, denda

## ► Dari Muka 1

Hasil siasatan mendapati ujian saringan awal air kencing tertuduh didapati positif Methamphetamine, Ketamine dan Norketamine, malah tertuduh mengaku telah minum minuman beralkohol sebelum memandu

kenderaan tersebut.

Terdahulu ketika rayuan pengurangan hukuman, tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon maaf kepada mahkamah atas perbuatannya dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan sama.

Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aidil Akmal

Sharidan bagaimanapun memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat yang bersifat pencegahan kerana kesalahan itu bukan sekadar pelanggaran lalu lintas, sebaliknya membahayakan keselamatan pengguna jalan raya serta anggota penguat kuasa yang sedang men-

jalankan tugas.

Untuk rekod, pada 22 Jun lalu, tertuduh dijatuhi hukuman penjara enam bulan di bawah Seksyen 26(2) Akta Polis 1967 kerana gagal mematuhi arahan berhenti yang diberikan anggota polis di sekatan jalan raya.

Tertuduh turut dipenjara

setahun di bawah Seksyen 332 Kanun Keseksaan kerana menyebabkan kecederaan terhadap seorang penjawat awam ketika menjalankan tugas, selain penjara sembilan bulan di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang penjawat awam menjalankan tugas.